

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
20 March 2016

# Saya Perdana Menteri untuk rakyat - Najib

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH,  
MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
dan ZAMZURINA AHMAD  
utusan@ktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 19 MAC

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, beliau tidak akan sesekali mengubah pendiriannya sebaliknya terus berjuang habis-habisan untuk mempertahankan hak dan kebajikan rakyat di negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau bukan seperti apa yang diperkatakan segelintir pihak yang mendakwa beliau menjadi 'penyangak' dan 'mencuri' harta rakyat.

"Saya bukan seperti apa yang dikatakan oleh orang di sebelah sana. Saya bukanlah macam itu. Saya telah jaga Pahang dengan sebaik-baiknya. Kalau saya nak rompak, dah lama saya rompak hutan di sini. Saya tidak ambil satu inci pun, sebatang pokok Pahang pun saya tidak

ambil, saya tidak ambil lombong bauksit, saya tidak ambil apa-apa.

"Bila saya jadi Perdana Menteri, saya tidak ubah pendirian. Saya tidak akan ambil harta rakyat, jangan ingat saya penyangak, jangan ingat saya mencuri harta rakyat. Saya Perdana Menteri untuk rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berucap dalam Himpunan Solidariti yang dihadiri kira-kira 5,000 rakyat negeri ini bagi menunjukkan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Program anjuran Badan Perhubungan UMNO Pahang itu diketuai oleh ketua-ketua UMNO bahagian dan turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri.

Najib yang juga Presiden UMNO turut meminta ahli parti supaya melakukan suatu tindakan berdasarkan



**Bila saya jadi Perdana Menteri, saya tidak ubah pendirian. Saya tidak akan ambil harta rakyat, jangan ingat saya penyangak, jangan ingat saya mencuri harta rakyat. Saya Perdana Menteri untuk rakyat Malaysia."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

kepada prinsip yang betul dan tidak mengeneikan maruah diri seperti dilakukan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Dr. Mahathir seolah-olah melanggar prinsip yang

dipegangnya selama ini bahawa tindakan menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi dan menukar Perdana Menteri dipilih rakyat adalah tidak bermoral.

"Prinsip mesti ada, bukan soal menang sahaja, mesti ada maruah diri...kalah macam mana sekalipun mesti ada maruah diri.

"Selama 22 tahun kutuk parti DAP.. kata Kit Siang (Lim Kit Siang) rasis...dia kata DAP parti cauvinis, meniadakan hak orang Melayu, menekan Islam, kita dah dengar ucapan-ucapan dia. Ini bukan saya kata, ini Dr. Mahathir sendiri kata 22 tahun... hari ini dia duduk sebelah siapa? Dia tandatangan deklarasi dengan siapa?" soalnya.

Sementara itu dalam majlis Penyerahan Kunci PR1MA Pahang di Perumahan Makmur Sri Fajar Jaya, dekat sini, Najib berkata, kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil pelbagai tindakan yang mendatangkan manfaat serta memberi keutungan kepada rakyat.

Perdana Menteri turut meminta rakyat negara ini supaya tidak mempedulikan pakatan segelintir tokoh pemimpin dengan pembangkang yang kononnya membawa suara rakyat kerana kepimpinan kerajaan diterajui beliau sentiasa berjuang untuk mereka.

Kata beliau, bukan deklarasi atau surat menjadi kepentingan tetapi tindakan yang boleh menguntungkan rakyat seperti projek perumahan mampu milik yang giat dilaksanakan kerajaan pada masa ini.

Beliau juga secara sinis menyindir pihak tertentu dipercayai merujuk kepada Dr. Mahathir yang berpakat untuk menjatuhkannya sedangkan bekas Perdana Menteri itu pernah dikutuk pemimpin pembangkang sebelum ini.

"Apa memekik sana dan memekik sini. Orang yang dulu maki hamun kita, kita pula dakap dia. Ini tidak patut.

"Apa yang patut kita buat adalah laksanakan program jaga rakyat,

jaga hati rakyat dan isikan kehendak rakyat. Pastikan aku janji kita terlaksana. Kalau buat, pastikan lebih baik seperti projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Pahang yang melebihi sasaran," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat supaya tidak membuat angkara atau mengeluarkan kata-kata yang boleh menyebabkan orang luar memandang serong terhadap Malaysia pada saat negara sedang berusaha mengukuhkan ekonominya.

"Jika di luar negara, apabila saya jumpa dengan ahli kongres dari Amerika Syarikat, mereka tidak burukkan negara mereka walaupun datang daripada parti berlainan.

"Tetapi puak kita lain perangai, ada yang ke luar negara kutuk Malaysia. Kita boleh berbeza pendapat tetapi dari segi nak nyatakan Malaysia negara baik dan berjaya, kita mesti tetap perjuangkan serta pertahankan kerana inilah negara kita," tegasnya.

um - 20/3/2016